

Headline	Kuantan Karam		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	3,10
ArticleSize	629 cm ²	Journalist	Raja Norain
PR Value	RM 69,423		



Kuantan karam

> Gangguan elektrik selama 14 jam yang berlaku sejak malam kelmarin, menyebabkan penduduk serta lebih 20,000 mangsa banjir di Kuantan, Pahang terpaksa bergelap manakala gangguan bekalan air dan telefon berlaku mulai pagi semalam.



SEKITAR BANJIR >>10,12,13&1

Kuantan lumpuh

■ 1,072 pencawang dinaiki air terpaksa ditutup punca gangguan elektrik 14 jam

Oleh Raja Norain Hidayah Raja

Abdul Aziz

rnorain@mediaprima.com.my

Kuantan

Gangguan tiga perkhidmatan utiliti utama di negeri ini iaitu elektrik, air dan telefon berikutan banjir yang melanda negeri ini sejak Ahad lalu, menyebabkan bandar Kuantan hampir lumpuh sepenuhnya dan menjejaskan lebih 60,000 penduduk.

Gangguan elektrik selama 14 jam yang berlaku sejak malam kelmarin, menyebabkan penduduk serta lebih 20,000 mangsa banjir terpaksa bergelap manakala gangguan bekalan air dan telefon berlaku bermula pagi semalam.

Namun bekalan elektrik disambungkan semula selepas paras air di pencawang masuk utama di Tanjung Gelang kembali surut dan penjana semua pencawang itu dapat menampung bekalan

elektrik hampir 90 peratus untuk sekitar bandar Kuantan.

Pencawang masuk utama Kuantan Utara pula dijangka beroperasi malam tadi bergantung kepada keadaan banjir.

Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad (TNB) Datuk Sharuddin Mohd Simin berkata, pihaknya terpaksa menutup 1,072 pencawang elektrik yang ditenggelami air membabitkan 62,907 pengguna di enam kawasan terjejas akibat banjir iaitu di Kuantan/Gebeng, Rompin, Maran, Pekan, Lipis dan Jerantut.

Beliau berkata, gangguan bekalan elektrik itu menyebabkan 15,000 penduduk daerah ini bergelap sejak malam kelmarin yang berpunca daripada dua

pencawang utama di Tanjung Gelang dan Jalan Pintas Kuantan berhampiran Jaya Gading, di sini, ditutup berikutan ditenggelami air.

"Kami perlu memotong bekalan elektrik bagi mengelak kejadian yang lebih buruk. Kami perlu mengambil langkah segera memotong bekalan elektrik di daerah terjejas semalam (kelmarin) bagi mengelak pencawang utama mengalami kerosakan menyebabkan kerugian jutaan ringgit.

"Kami menghidupkan pencawang terbabit apabila air sudah surut dan selamat digunakan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sharuddin juga meminta orang ramai tidak mempercayai khabar angin pihak-

nya sengaja mematikan bekalan elektrik hingga menyusahkan mangsa banjir.

"Kami tidak bertindak sewenangnyanya memutuskan

bekalan elektrik, namun langkah terbabit diambil sebelum ini hanya untuk memastikan mangsa banjir tidak terkena renjatan elektrik," katanya.

Beliau meminta orang ramai supaya memperoleh maklumat daripada portal laman web TNB atau menghubungi talian bilik gerakan 09-5155663/5678 untuk maklumat lanjut.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Pihak Pengurusan Air Pahang (PAIP) Jaafar Abdullah berkata, PAIP terpaksa meng-

Headline	Kuantan Karam		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	3,10
ArticleSize	629 cm ²	Journalist	Raja Norain
PR Value	RM 69,423		

hentikan dua operasi rumah pam air di Semambu dan Bukit Ubi di sini, berikutan tiada bekalan elektrik akibat fenomena air pasang besar malam kelmarin.

Katanya, kedua-dua pam air itu memerlukan bekalan elektrik untuk beroperasi dan apabila bekalan terputus, PAIP terpaksa menghentikannya buat sementara waktu.

“Selain itu kita juga menghentikan operasi rumah pam di Sungai Kobat, di

sini, kira-kira jam 3 pagi semalam.

“Antara kawasan yang mengalami gangguan adalah di sekitar perindustrian Gebeng, seluruh bandar

Kuantan, Beserah sehingga Chendor, Tanah Putih sehingga Gambang, Pulau Manis dan Tanjung Lumpur sehingga Kampung Ubai,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, pihaknya berharap pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) memulihkan bekalan elektrik di rumah pam berkenaan seterusnya menyalurkan be-

kalan air bersih kepada pengguna.

Menurutnya, buat sementara mereka menggunakan lori tangki untuk menghantar bekalan air bersih ke kawasan yang mengalami gangguan air.

Pengurus Besar TM negeri Md Rasidin Kadak berkata, masalah gangguan talian telefon di negeri ini berpunca daripada beberapa alat sawatnya mengalami kerosakan akibat diteng-

gelami air.

Katanya, pihaknya menganggar lebih 800 pelanggan talian telefon dan 300 pelanggan jalur lebar terjejas sejak Ahad lalu.

“Talian telefon kebanyakannya menggunakan kabel yang memerlukan bekalan elektrik untuk menghidupkannya, namun jika elektrik terputus ia akan menggunakan kuasa bateri yang mampu bertahan sehingga enam jam saja,” katanya.

FAKTA

Orang ramai boleh merujuk portal laman web TNB atau menghubungi talian bilik gerakan 09-5155663/5678

